

28 JUN 1998

RUBIN TIBA UNTUK LAWATAN

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat Robert Rubin tiba hari ini untuk lawatan dua hari ke Malaysia.

Rubin yang dalam pusingan kedua lawatan ke negara-negara Asia, tiba dengan penerbangan khas di Pangkalan TUDM Sungai Besi petang ini.

Beliau akan diraikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada jamuan malam.

Esok, Rubin bersama Anwar dijadual menghadiri satu dialog tertutup mengenai krisis ekonomi Asia anjuran ISIS.

Beliau juga dijadual menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum berlepas pulang esok.

-- BERNAMA

MNY MAI